



27 JAN, 2025

Projek pusat data di Malaysia terus mampan

Berita Harian, Malaysia



Projek pusat data di Malaysia terus mampan

Sektor pembinaan di Malaysia dijangka terus berkembang kukuh walaupun terdapat potensi kesan daripada dasar kawalan eksport baharu yang diperkenalkan oleh pentadbiran Biden-Harris di Amerika Syarikat (AS) pada 13 Januari lalu.

Dasar itu, yang dikenali sebagai *Export Control Framework for Artificial Intelligence Diffusion* bertujuan memperkukuhkan pembangunan cip kecerdasan buatan (AI) di AS dan menyekat eksport cip AI ke negara tertentu berdasarkan tiga kategori. Malaysia yang tergolong dalam kategori Tier-2 terkesan dengan had pemasangan cip AI sehingga 49,900 unit GPU setara H100 bagi tempoh 2025 hingga 2027.

Menurut TA Research, sekatan ini boleh memperlambatkan rancangan pengembangan pemain pusat data (DC) sedia ada di Malaysia serta melengahkan pelaksanaan projek baharu. Namun, kajian

itu menyatakan kesan daripada sekatan ini dijangka hanya bersifat sementara, memandangkan permintaan global terhadap pusat data yang didorong oleh AI terus meningkat secara mendadak.

Berdasarkan kajian SemiAnalysis, kapasiti pusat data global dijangka mencecah 20GW dan meningkat tiga kali ganda kepada 60GW menjelang 2027. Ini didorong oleh keperluan segera pemain utama seperti Microsoft, Google, dan Amazon untuk meningkatkan kapasiti pusat data mereka bagi memenuhi permintaan perkhidmatan berasaskan AI.

Malaysia yang mempunyai kapasiti pusat data sebanyak 504.8MW pada akhir 2024 masih mempunyai ruang besar untuk berkembang. Malah, dengan anggaran kuota 4.2GW bagi setiap negara Tier-2 menjelang 2027, sektor pusat data di negara ini dijangka terus

menarik pelaburan.

Setakat ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah memeterai perjanjian bekalan elektrik (ESA) untuk enam projek pusat data berkapasiti gabungan 1.1GW, sementara 15 lagi projek dengan kapasiti 2.1GW masih dalam peringkat permohonan bekalan elektrik. Dengan nilai projek sekitar RM9 bilion bagi setiap kapasiti 100MW, jumlah keseluruhan projek pusat data dengan kapasiti 3.2GW boleh menyumbang RM57.6 bilion kepada sektor pembinaan.

Pakar industri percaya bahawa sekatan sementara ini tidak akan menjejaskan momentum sektor pembinaan. Malah, Malaysia dijangka terus menjadi destinasi utama untuk pelaburan pusat data di rantau ini, memandangkan pelaburan yang sedia ada menunjukkan prospek kukuh.

TA Research turut mengekal-

kan saranan 'OVERWEIGHT' ke atas sektor pembinaan tempatan, dengan keyakinan bahawa pertumbuhan projek pusat data akan terus memacu industri ini walaupun peraturan kawalan eksport cip AI dijangka mula dikuatkuasakan sepenuhnya pada April 2025.

Pihak berkuasa di AS juga dijangka mengumpul maklum balas daripada pakar industri sepanjang tempoh komen awam selama 120 hari, yang berakhir pada Mei 2025. Langkah ini memberi ruang kepada kemungkinan penyesuaian dasar yang boleh mengurangkan kesan sekatan terhadap negara-negara Tier-2 seperti Malaysia.

Sementara itu, sokongan dasar kerajaan Malaysia serta kestabilan tenaga elektrik yang ditawarkan oleh TNB menjadi faktor utama yang terus menarik pelabur global untuk menjadikan negara ini hab utama pusat data di Asia Tenggara.